



02 NOV, 2025

Ajal pemuda, kereta langgar tiang elektrik

Kosmo Ahad, Malaysia



Ajal pemuda, kereta langgar tiang elektrik

LENGGONG – Seorang lelaki maut selepas kereta yang dipandu terbabas sebelum melanggar tiang elektrik dan terjunam ke bawah bukit di Jalan Lenggong-Kuala Kangsar berhampiran Kampung Kelantan di sini semalam.

Pemangku Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Perak, Shazlean Mohd. Hanafiah berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 7.28 pagi dengan nahas membabitkan kereta jenis Honda Accord dipandu lelaki berusia 28 tahun.

“Pemeriksaan mendapati

mangsa tersepit dalam kereta yang dihempap tiang elektrik tumbang. Anggota bomba terpaksa menggunakan alat pemotong hidraulik bagi mengeluarkan lelaki itu.

“Kerja-kerja mengalihkan tiang yang menghempap mangsa dilakukan selepas pihak Tenaga Nasional Berhad selesai membuat pemotongan elektrik,” katanya.

Mangsa bagaimanapun disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan yang tiba di lokasi. Mayat lelaki itu diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.



ANGGOTA bomba melakukan operasi bagi mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kereta Honda Accord di Lenggong semalam.